

09 APR 1996

Parlimen-Mahathir

TIADA DUA PENDIRIAN BERKENAAN PEMBAYARAN GAJI

KUALA LUMPUR, 9 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kerajaan tidak mempunyai dua pendirian yang berbeza berhubung tambahan gaji kepada kakitangan awam mengikut pelarasan gaji baru-baru ini.

"Yang menjalankan tugas memerintah negara di peringkat pusat adalah manusia biasa yang kadang-kala membuat silap," kata Perdana Menteri pada persidangan Dewan Rakyat.

Beliau menjawab soalan tambahan Datuk Haji Sukri Mohamed (S46-Machang) yang bertanya kenapa kakitangan awam akan memperolehi tambahan gaji mengikut pelarasan gaji itu dan adakah ini berlaku kerana kerajaan tidak membuat kajian dengan teliti.

Dr Mahathir berkata pembayaran yang lebih dibuat kerana kerajaan tidak mahu mengurangkan peruntukan pelarasan gaji dan ia juga untuk memastikan peruntukan itu dibelanjakan semuanya.

Kajian semula mengenai pembayaran pencen pula untuk memastikan pencen yang diberi tidak sama jumlahnya dengan gaji seseorang kakitangan awam semasa dia dalam perkhidmatan kerajaan sebelum bersara.

"Sementara kerajaan berpegang pada prinsip bahawa seseorang pekerja tidak harus mendapat pencen yang sama dengan gaji terakhir yang diterima, apabila kajian semula dibuat kita dapati kita tidak berpegang kepada prinsip itu," katanya.

Sehubungan dengan itu rundingan semula diadakan dengan Cuepacs berhubung formula pembayaran pencen.

Ketika menjawab soalan asal Haji Mohamad Abdullah (S46-Pasir Puteh), Dr Mahathir berkata dalam mana-mana pelarasan saraan hanya mereka yang berada dalam skim yang terlibat dengan pelarasan berkenaan sahaja yang mendapat faedah.

Katanya, pelarasan saraan anggota sektor awam Sistem Saraan Baru (SSB) 1995 adalah khusus untuk mereka yang berada dalam SSB dan hanya mereka yang berada dalam skim itu sahaja yang mendapat faedahnya.

Menurutnya, semasa skim gaji baru SSB dilaksanakan 1 Jan 1992, semua anggota sektor awam diberi tawaran opsyen dan mereka diberi tempoh tiga bulan mulai 1 Jan 1992 untuk menimbang sama ada hendak menerima atau menolak tawaran itu.

Ketika menjawab soalan tambahan Mohd Isa Sabu (BN-Kangar), Dr Mahathir berkata kakitangan awam telah diterangkan mengenainya dan mereka yang enggan menerimanya berpendapat lebih baik mereka kekal dalam skim lama.

Tetapi apabila kajian semula dibuat pada skim baru itu, mereka mahu mendapat ganjaran yang sama dengan mereka yang sudah menyertai skim baru berkenaan.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan berpendapat mereka tetap tidak layak menerimanya. -- BERNAMA

ARA NMO